

MAHATHIR-KAMPUCHEA 'R' 'R' 'R

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 19 MEI (BERNAMA)--MALAYSIA TIDAK MEMBANTAH PENYERTAAN HENG SAMRIN DALAM SEBARANG PUNGUTAN SUARA DI KAMPUCHEA UNTUK MENENTUKAN PEMERINTAH YANG SAH NEGARA ITU; DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA WARTAWAN SEKEMBALINYA DARI LAWATAN RASMI SELAMA SEMBILAN HARI KE YUGOSLAVIA, TURKI DAN ROMANIA BAHAWA SETIAP RAKYAT KAMPUCHEA BERHAK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEBARANG PUNGUTAN SUARA DAN INI TERMASUK HENG SAMRIN.

+SEKIRANYA RAKYAT KAMPUCHEA, TANPA TEKANAN ATAU PAKSAAN DARI MANA-MANA PIHAK LUAR, MEMILIH HENG SAMRIN, SIAPAKAH KITA UNTUK MENGHALANGNYA?+ TANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGHURAI KENYATAANNYA DI AKHIR LAWATAN BELIAU KE ROMANIA BAHAWA MALAYSIA TIDAK PERNAH MENYATAKAN YANG HENG SAMRIN, PEMIMPIN REJIM SOKONGAN VIETNAM YANG TIDAK DIIKTIRAF OLEH MALAYSIA, TIDAK BOLEH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM RUNDINGAN MENGENAI MASA DEPAN KAMPUCHEA. --LAGI 1605/MD
MAHATHIR-KAMPUCHEA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEKALI LAGI KEBIMBANGAN MALAYSIA TERHADAP PENDUDUKAN BERTERUSAN TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA.

BELIAU BERKATA SEBELUM SEBARANG PUNGUTAN SUARA DIADAKAN, TENTERA VIETNAM HENDAKLAH TERLEBIH DAHULU DIUNDURKAN DARI KAMPUCHEA.

+PENGUNDURAN ITU MESTILAH SEPENUHNYA.... BUKAN PENGUNDURAN UNTUK DIGANTIKAN DENGAN PARA ANGGOTA TENTERA YANG LAIN,+ KATA BELIAU.

+ CAKAP-CAKAP MENGENAI PENGUNDURAN INI TIMBUL TAHUN LALU DAN KINI TIMBUL LAGI.... SUDAH MEMBOSANKAN.+

MENGENAI SYOR AUSTRALIA UNTUK MENGADAKAN PASUKAN KEAMANAN DIKAMPUCHEA, MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE, YANG TURUT HADIR DISIDANG AKHBAR PERDANA MENTERI, BERKATA IA DICADANG DIADAKAN SELEPAS PENGUNDURAN VIETNAM DARI KAMPUCHEA. -- BERNAMA 1610/PA